

MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENGHAFAL FAKTA DALAM PENULISAN ESEI EKONOMI ASAS MELALUI PENDEKATAN MINDA BERSISTEM

Amanda wong

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar Tingkatan 4 Teknologi untuk mengingat fakta-fakta Ekonomi Asas dan kata kunci bagi huraian fakta. Tanpa penguasaan kemahiran mengingat fakta dan kata kunci dalam huraian fakta, pelajar akan merasakan bebanan menghadapi mata pelajaran ini. Kajian ini melibatkan seramai 14 orang pelajar dan seorang guru. Perancangan tindakan difokuskan kepada pengurusan kemahiran menghafal fakta dan kata kunci bagi huraian fakta. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui analisis markah Ujian Terancang Mac dan Peperiksaan Pertengahan Tahun. Hasil tinjauan menunjukkan pelajar tidak dapat memberi fakta yang tepat apatah lagi hendak memberi kata kunci kepada huraian fakta kerana tidak menguasai kemahiran hafalan. Oleh yang demikian, maka wajarlah bagi saya untuk berusaha mengurangkan tekanan mental yang dihadapi oleh kumpulan pelajar yang sememangnya pencapaian akademik hanya pada tahap sederhana sahaja.

1.0 REFLEKSI

Semasa saya menanda kertas 2 Ekonomi Asas dalam Ujian Terancang Mac dan Peperiksaan Pertengahan Tahun, saya dapati ramai pelajar tidak dapat memberikan fakta yang tepat dan gagal untuk menghuraikan fakta dengan baik. Huraian fakta yang sepatutnya mempunyai kata kunci tertentu sebagai menyokong fakta yang hendak dihuraikan tidak dapat diberikan dengan tepat oleh pelajar.

Daripada temubual yang saya jalankan, pelajar kelas tersebut memberi respon bahawa mereka tidak mengingat fakta yang dipelajari apa lagi hendak menerangkan fakta yang mempunyai kata kunci tertentu. Adakah cara yang saya gunakan tidak berkesan dalam membantu pelajar kumpulan tahap sederhana ini? Adakah saya terlalu memfokuskan kepada aspek kandungan pelajaran semata-mata sehingga tumpuan kepada asas menghafal fakta yang diajar terabai? Apakah teknik termudah dan menarik yang dapat membantu kumpulan pelajar ini menghafal fakta dan seterusnya membolehkan pelajar menjawab soalan esei dengan baik.

Seperkara lagi yang saya dapati hasil perbincangan dengan guru dalam panitia Ekonomi ialah masalah yang sama dihadapi oleh guru yang mengajar subjek Ekonomi Asas Tingkatan 5 juga tidak berupaya mengingat fakta dan gagal menerangkan huraian dengan baik. Ini bermakna, jika pelajar dapat menguasai kemahiran menghafal fakta dan kata kunci huraian fakta, maka mereka akan lebih berminat dengan pembelajaran Ekonomi Asas.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian saya berfokus kepada teknik mengingat (menghafal) yang mudah mengikut kumpulan sasaran. Melalui sesi temubual yang saya jalankan dengan kumpulan sasaran, saya merasakan bahawa saya tidak dapat menggunakan pendekatan pembelajaran sendiri atau konvensional memandangkan mereka bukanlah di kalangan pelajar 'smart group'. Saya perlu menggunakan pendekatan yang sesuai dengan tahap pelajar untuk mencapai objektif saya. Pendekatan yang saya gunakan ialah pembelajaran Masteri.

2.1 Pendekatan Pembelajaran Masteri

Merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan penguasaan pelajar dalam sesuatu yang diajar. (Bloom, 1968)

Kaedah ini menekankan kepada teknik:

- i. Mengingat fakta dan kata kunci penting dalam huraian fakta menggunakan peta minda dan jadual.
- ii. Aplikasi set penulisan penerangan huraian yang dihafal untuk menunjukkan kefahaman dan menjawab soalan bentuk esei.
- iii. Menghafal dan mengingat berulang kali dengan pengukuhan dari semasa ke semasa.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan keupayaan menghafal fakta dan kata kunci huraian fakta agar pelajar dapat memahami dan mengaplikasikan konsep yang diajar dalam kehidupan seharian.

3.2 *Objektif khusus*

- i. Pelajar dapat menyatakan fakta-fakta yang diajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas tanpa kesalahan ejaan.
- ii. Pelajar dapat menerangkan huraian fakta dengan menggunakan kata kunci untuk membuktikan kefahaman pelajar.
- iii. Pelajar dapat mengingat, menyatakan semula fakta dan menjelaskan huraian fakta dalam menjawab soalan esei.

4.0 **KUMPULAN SASARAN**

Kumpulan sasaran terdiri daripada 14 orang pelajar Tingkatan 4 Teknologi yang mempunyai tahap pencapaian akademik sederhana sahaja. Sikap pelajar yang tidak sungguh-sungguh dan tidak komited terhadap pelajaran juga dikenal pasti. Seorang pelajar juga kerap tidak hadir ke sekolah. 4 orang pelajar dikesan mempunyai potensi untuk mendapat keputusan cemerlang sekiranya berusaha dan menumpukan perhatian.

5.0 **PELAKSANAAN KAJIAN**

5.1 *Tinjauan masalah*

Sebelum mengaplikasikan kaedah yang dicadangkan, saya berusaha meninjau masalah yang dikenalpasti bertujuan untuk mengesan keseriusan ketidakupayaan pelajar menghafal fakta dan huraian fakta menggunakan kata kunci.

Saya dapat membuat kesimpulan bahawa ketidakupayaan menghafal fakta dan huraian fakta berdasarkan kata kunci ini menjadi faktor utama yang perlu diatasi dalam usaha membina keyakinan pelajar kelas ini untuk memahami fakta dan mengaplikasi dalam menjawab soalan esei. Tinjauan dijalankan dengan mengutip data seperti berikut:

- Analisis markah Ujian Terancang Mac dan Peperiksaan Pertengahan Tahun untuk mengetahui soalan yang kerap dijawab dan paling kerap tidak dijawab.

- Mengadakan ujian lisan untuk mendapat maklumat tentang pengetahuan sedia ada pelajar.
- Mengadakan pra ujian untuk memperkukuhkan andaian bahawa hafalan fakta merupakan indeks dalam menentukan kejayaan pelajar mengingat fakta dan dapat menjawab soalan dengan baik.

5.2 *Analisis Tinjauan Masalah*

Peringkat 1 – Analisis Markah Peperiksaan Pertengahan Tahun 2008

- Hanya 4 orang pelajar yang lulus.

Peringkat 2 – Ujian Lisan

Saya menguji daya ingatan pelajar dengan mengemukakan soalan seperti:

- i. Berikan faktor-faktor yang mempengaruhi individu memilih sesuatu pekerjaan?
 - ii. Nyatakan 2 perbezaan antara perubahan permintaan dan perubahan kuantiti diminta?
- Saya dapati 4 orang pelajar dapat menjawab kedua-dua soalan dengan tepat, 9 orang pelajar yang tidak lengkap atau tidak tepat. Seorang pelajar tidak hadir.

Peringkat 3 – Pra ujian untuk menilai keupayaan pelajar menjawab soalan esei.

- Pelajar diminta menjawab 2 soalan esei berbentuk soalan fakta, di mana pelajar dikehendaki memberi jawapan berdasarkan fakta yang telah diajar dan bukan jawapan mengikut pengetahuan sedia ada yang agak umum.
- Hasilnya, 3 orang pelajar mendapat skor melebihi 60% - 79%, 5 orang melebihi 40% - 59% , 5 orang antara 20% - 39%, dan seorang tidak hadir.

Peringkat 4 – Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Masteri.

- i. Menghafal fakta-fakta dan kata kunci huraian fakta

- ii. Selepas 2 minggu, ujian menyatakan fakta dan kata kunci huraian fakta dijalankan untuk mencatat keupayaan pelajar secara lisan dan bertulis dalam buku latihan.
- iii. Pelajar diminta menggunakan 'peer teaching' untuk membantu rakan yang lemah. Masih terdapat masalah di bahagian ini kerana terdapat beberapa orang pelajar yang kerap tidak hadir ke sekolah. Oleh itu, pemantauan sukar dijalankan terhadap pelajar ini. pelajar lain progress ke langkah berikutnya.
- iv. Menghafal set fakta dan huraian fakta
- v. Bahagian ini agak sukar kerana pelajar memerlukan masa dan perhatian yang panjang. Mereka tidak membuat kerja rumah menghafal fakat di rumah.
- vi. Saya mengesan 50% pelajar sasaran tidak menyiapkan tugas yang diberikan di rumah. Mereka datang ke sekolah dan menyalin jawapan daripada rakan lain yang telah menyiapkan kerja rumah lebih awal.

Peringkat 5 – Pelaksanaan Ujian Pasca

Kertas ujian yang sama diberikan semula untuk mencatat peningkatan pencapaian pelajar. 8 orang pelajar mencapai peningkatan dalam ingatan fakta. 6 orang masih lagi berada pada tahap ingatan yang tidak konsisten. Ini membuktikan bahawa kaedah hafalan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran menjawab soalan esei.

5.3 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Menghafal fakta dan kata kunci huraian fakta.

Cara pelaksanaan:

- a. Guru menyediakan peta minda dan jadual yang diedarkan kepada para pelajar.
- b. Pelajar diminta menyalin kata kunci dan menghafalnya.
- c. Guru menjelaskan setiap kata kunci huraian fakta berserta contoh yang sesuai.

- d. Selepas pelajar mempelajari beberapa fakta baru, guru mengedarkan kertas kosong peta minda untuk diisi oleh pelajar dengan kata kunci.
- e. Pelajar diminta menyemak jawapan rakan dan memperbaiki kesalahan jika ada.(peer teaching).

5.4 REFLEKSI KAJIAN

Daripada data ujian pasca menggunakan borang yang sama dengan ujian pra, saya dapat menyimpulkan bahawa:

- i. Kaedah Pembelajaran Masteri berkesan bagi pelajar yang rajin menghafal dan mengulangkaji. Pelajar yang malas tidak berupaya untuk menghafal set fakta dan huraian fakta kerana tiada inisiatif untuk menghafal.
- ii. Satu masalah semasa menulis ialah kesalahan mengeja sesetengah istilah dengan betul. Semasa peperiksaan, pelajar yang melakukan kesalahan ejaan akan dianggap salah menjawab dan ini merugikan pelajar.

6.0 CADANGAN KAJIAN.

Kajian seterusnya yang akan saya jalankan ialah untuk mengatasi masalah pelajar yang kurang memahami konsep-konsep dalam Ekonomi. Saya sedang memikirkan cara menggunakan kaedah main peranan untuk menerangkan konsep terutama kepada pelajar yang lemah.

Bibliografi

1. *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 2001.
2. *Pembelajaran Masteri*, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 2001.